

15 APR 1998

Aids

MAC MASIH CARI TEMPAT SESUAI BAGI MENEMPATKAN PESAKIT AIDS

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Majlis Aids Malaysia (MAC) masih belum dapat mencari tempat yang sesuai untuk menempatkan tempat penjagaan ataupun hospis bagi pesakit-pesakit Aids yang tidak lagi diterima oleh keluarga mereka.

Presidennya Datin Paduka Marina Mahathir hari ini berkata, masih terdapat golongan yang menunjukkan reaksi negatif jika hospis itu ditempatkan berdekatan kediaman mereka dan reaksi itu berpunca kerana kejahilan mereka mengenai Aids.

"Kerana sikap sebeginilah MAC masih belum dapat mencari tempat yang sesuai bagi pesakit-pesakit itu," kata beliau kepada pemberita selepas menyaksikan majlis penyampaian tiket udara ke London oleh Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia David Moss, kepada Pengurus "Program Outreach Hospis", Puan Prasanna Mohandas di sini, hari ini.

Suruhanjaya Tinggi Britain itu membiayai Projek Meningkatkan Keupayaan selama dua tahun bersama program hospice MAC itu.

Marina berkata melalui program itu, MAC telah mengenal pasti 60 pesakit di hospital-hospital yang tidak tahu untuk ke mana selepas menerima rawatan.

Januari lepas, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng berkata kerajaan secara prinsipnya telah bersetuju membenarkan MAC mewujudkan hospis bagi pesakit Aids di Hospital Kuala Kubu Baharu.

Hospis enam katil itu akan didirikan di tempat-tempat yang tidak digunakan di hospital-hospital dan kerajaan akan menyerahkan premis itu apabila prosedur-prosedur yang perlu diselesaikan.

Ini merupakan program perintis yang menyediakan penjagaan perubatan menyeluruh, kaunseling dan sokongan rohaniah kepada pesakit-pesakit aids.

-- BERNAMA

NHD PR